

LORADYNE TABLET

Loratadine (10mg)

- Apakah yang ada pada risalah ini**
1. Apakah kegunaan Loradyne
 2. Bagaimana Loradyne berfungsi
 3. Sebelum menggunakan Loradyne
 4. Cara menggunakan Loradyne
 5. Semasa menggunakan Loradyne
 6. Kesan-kesan sampingan
 7. Cara penyimpanan dan pelupusan Loradyne
 8. Maklumat lanjut
 9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
 10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Loradyne

Loradyne digunakan untuk melegakan tanda-tanda berkaitan dengan rinitis alergi (radang membran mukus dalam hidung) seperti bersin, hidung berhingus dan gatal dan juga gatal dan rasa pedih pada mata serta urtikaria (ruam merah dan gatal yang timbul pada kulit) kronik dan gangguan alergi kulit yang lain.

Bagaimana Loradyne berfungsi

Loradyne mengandungi loratadine, yang tergolong dalam kumpulan ubat antihistamina. Antihistamina membantu melegakan tanda-tanda alergi dengan menghalang kesan histamina. Histamina adalah bahan yang dihasilkan oleh badan sebagai tindakbalas terhadap benda asing yang menyebabkan alergi.

Sebelum menggunakan Loradyne

- Bila tidak boleh menggunakan

- Jangan ambil Loradyne jika anda mempunyai alergi kepada bahan aktif dan tidak aktif yang terkandung dalam Loradyne.

Mengandung dan menyusukan anak

Loratadine dirembeskan ke dalam susu ibu dan ini meningkatkan risiko kesan antihistamina pada bayi. Oleh itu, faedah dan risiko penggunaan harus dipertimbangkan sebelum mengambil ubat ini..

- Sebelum mula mengguna

Beritahu doktor jika anda mengandung, menyusukan anak atau mempunyai gangguan hati.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan. Ubat-ubat tersebut adalah seperti antibiotik macrolide, ketoconazole, cimetidine, ranitidine dan theophylline.

Cara menggunakan Loradyne

- Berapa banyak harus digunakan

Dewasa dan kanak-kanak lebih daripada 12 tahun: 10mg setiap hari. Kegagalan fungsi hati atau gangguan buah pinggang: dos permulaan adalah 10mg selang sehari.

Iikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza daripada maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Iikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini. Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan(terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera. Tanda-tanda terlebih dos termasuk mengantuk, denyutan nadi meningkat dan sakit kepala.

Semasa menggunakan Loradyne

- Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi bahawa anda sedang menggunakan Loradyne.
- Beritahu doktor dengan segera jika anda jadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.
- Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.
- Jangan berkongsi Loradyne dengan

sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Elkakan daripada minuman beralkohol. Walaupun Loradyne adalah antihistamina yang tidak meningkatkan kesan alkohol, ada juga pesakit yang mengalami kesan mengantuk. Oleh itu, berhati-hati jika ubat ini diambil bersama dengan minuman beralkohol.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Loradyne boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Sila hubungi doktor atau ahli farmasi jika mengalami kesan sampingan selepas mengambil ubat ini.

Kesan yang biasa adalah keletihan, sakit kepala, mengantuk, mulut kering, rambut gugur, anafilaksis (reaksi alergi serius yang mengancam nyawa), fungsi abnormal hati dan gangguan perut usus seperti loya, muntah, inflamasi perut dan tanda-tanda alergi.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers → Reporting*)

Cara penyimpanan dan pelupusan Loradyne

- Penyimpanan

Simpan di tempat dingin dan kering, bawah suhu 30°C. Lindungi daripada cahaya. Jauhi ubat daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet bujur berwarna putih dan berskor di atas.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: loratadine
- Bahan tidak aktif: cornstarch, lactose monohydrate and magnesium stearate.

- Nombor MAL
MAL20020366AZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran

Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.
1505, Lorong Perusahaan Utama 1
Taman Perindustrian Bukit Tengah
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

20/05/2015

Nombor siri

BPK(R4/1)190515/00112